

17 FEB 2001

Mahathir-Komputer

MAHATHIR KESAL DENGAN KEENGGANAN RAKYAT MALAYSIA BELAJAR KOMPUTER

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa kesal dengan sikap kebanyakan rakyat Malaysia yang tidak berusaha untuk memahirkan diri dengan komputer.

"Saya tidak gembira kerana terlalu ramai orang tidak mengambil sebarang usaha untuk belajar menggunakan komputer," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Perhimpunan Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) untuk K-ekonomi di Stadium Putra, Bukit Jalil, dekat sini.

Dr Mahathir ditanya sama ada beliau gembira dengan perkembangan yang dibuat untuk menjadikan rakyat Malaysia celik komputer.

Beliau berkata rakyat Malaysia tidak sepatutnya tunggu sehingga mereka memiliki komputer sebelum mula belajar kemahiran komputer.

"Anda perlu mula belajar dari sekarang. Jika tidak, kita akan ketinggalan di belakang," kata beliau.

Beliau turut ditanya sama ada wujud ketidakseimbangan di negara ini kerana dalam kerajaan terus menggalakkan pelajar dan rakyat supaya menjadi celik komputer, ada sesetengah pelajar yang tidak mampu membayar yuran peperiksaan.

Dr Mahathir berkata: "Tidak, tidak terdapat ketidakseimbangan. Kalau dia beritahu dia tak boleh bayar, kita boleh buat sesuatu. Banyak orang nak tolong. Janganlah buat cerita sedih macam dunia ini tak prihatin langsung."

Beratus-ratus pelajar di beberapa sekolah di Kelantan baru-baru ini dilaporkan tidak mampu membayar yuran peperiksaan kerana kesempitan hidup keluarga. Bagaimanapun, masalah mereka mendapat perhatian kerajaan dan banyak pihak tampil untuk membantu mereka mengatasi masalah itu.

Terdahulu, dalam ucapan perasmianya, Dr Mahathir berkata rakyat perlu menggembleng ilmu dan teknologi bagi menghasilkan barangan berkualiti daripada sumber asli negara untuk dijual di pasaran dunia dengan harga yang tinggi.

Katanya walaupun Malaysia kaya dengan sumber semulajadi seperti petroleum, gas, getah, kelapa sawit dan koko, perolehan daripada jualan komoditi berkenaan tidak akan dapat ditingkatkan melainkan rakyat belajar menggunakan ilmu pengetahuan untuk menambahnilai kepada sumber semulajadi negara.

Dr Mahathir memberikan contoh Jepun dan negara-negara utara Eropah yang menggunakan penguasaan teknologi untuk memperkaya dan memajukan negara masing-masing walaupun tidak begitu kaya dengan sumber asli.

"Mereka mengimport bahan mentah dan menggunakan ilmu pengetahuan untuk menambah nilai sehingga menjadi begitu kaya...Nampak jelas bahawa ilmu pengetahuan memberi pulangan yang lebih tinggi daripada sumber asli," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata ini bukan bermakna negara akan membiarkan begitu sahaja industri berasaskan sumber asli.

Dr Mahathir berkata untuk menghadapi cabaran ekonomi berasaskan pengetahuan dan maklumat (K-Ekonomi), semua lapisan rakyat Malaysia perlu menguasai komputer dan ICT.

"Saya menyeru kepada anda semua, jadilah orang yang bijak, sediakan satu 'lesen komputer' untuk diri anda hari ini," katanya.

Kira-kira 1,000 orang termasuk pekerja, pelajar dan surirumah mengambil bahagian dalam apa yang dianggap sebagai acara tutorial komputer terbesar di negara ini anjuran Kementerian Sumber Manusia.

Cubaan memecah rekod itu yang kriteria utamanya ialah jumlah orang yang

terlibat dalam tutorial itu disahkan oleh Malaysia Book of Records.

Dalam ucapannya, Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn berkata acara serupa akan diadakan di Melaka bulan depan.

-- BERNAMA

MAM MAM RHM AKD